



KENYATAAN MEDIA

PENGARAH
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

#islamicsaviourobedience

ISLAMIC SAVIOUR OBEEDIENCE

Ruj. Kami : JAIS.UK.100-9/1/6 (86)
Tarikh : 21 Jumadul Ula 1446H
23 November 2024M

JAIS TEGAS TERHADAP AMIL ZAKAT TANPA TAULIAH

SHAH ALAM, 23 November 2024 - Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) akan bertindak tegas terhadap individu atau pihak yang memungut zakat di negeri Selangor tanpa tauliah dari Majlis Agama Islam Selangor (Majlis).

Ketegasan JAIS dalam perkara ini adalah selaras dengan Seksyen 37 Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang dengan jelas memperuntukkan bahawa "Mana-mana orang yang memungut zakat atau fitrah atau menyebabkan dipungut zakat atau fitrah tanpa dilantik sebagai amil atau selainnya diberikuasa oleh Majlis adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya sekali". Peruntukan ini turut menyatakan adalah menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana individu atau pihak yang memberi laluan atau membenarkan atau menyebabkan individu atau pihak yang bertindak mengutip zakat tanpa tauliah Majlis melakukan perbuatan melakukan memungut zakat tanpa tauliah tersebut dan akan dikenakan hukuman yang sama jika sabit kesalahan.

JAIS turut mengingatkan bahawa perbuatan membayar zakat melalui atau kepada individu atau pihak yang tidak ditauliahkan sebagai pemungut zakat oleh Majlis adalah suatu perbuatan yang tidak melepaskan kewajipan zakat yang wajib ke atas individu atau pihak yang mengeluarkan zakat tersebut. Perkara ini jelas dan selaras dengan ketetapan hukum yang dibuat oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 8 Ogos 2024 berkaitan Hukum Pihak Yang Tidak Dilantik Atau Diberi Kuasa Yang Sah Membuat Kutipan Zakat Atau Mengagihkannya yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor yang menyatakan bahawa "Pembayaran zakat yang dibuat kepada individu atau badan lain yang tidak diberi kuasa yang sah itu adalah tidak sah dan pembayarannya masih tidak terlepas daripada kewajipan membayar zakat itu".

JAIS telah pun mengeluarkan arahan pematuhan dan langkah kawalan berhubung kutipan zakat, wakaf dan infak di masjid dan surau seluruh negeri Selangor melalui surat pekeliling bertarikh 11 November 2024 yang lalu. JAIS menyedari ada segelintir individu dan pihak yang menggunakan masjid atau surau yang menamakan kutipan infak mereka sebagai zakat. Perbuatan sedemikian adalah suatu kesalahan dan penderma yang menderma atas niat zakat adalah tidak sah dan tidak melepaskan kewajipan zakatnya. Pihak pentadbir masjid dan surau turut boleh dikenakan tindakan mengikut undang-undang kerana melakukan kesalahan dengan menyebabkan perbuatan mengutip zakat tanpa tauliah Majlis dilakukan oleh individu atau pihak terbabit.

Dalam perkara ini, seluruh umat Islam dan semua pihak hendaklah memberi sokongan dan kerjasama penuh terhadap peraturan yang berkuatkuasa dan hukum yang ditetapkan oleh pihak berkuasa agama mengenainya. Ketaatan kepada *ulil amri* atau pemerintah dalam perkara kebaikan adalah suatu yang telah diputuskan dalam Islam dan ia mencakupi segala urusan termasuk urusan kutipan zakat. Fatwa pada 7 Jun 2007 dalam perkara berkaitan Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian dan Qada' Zakat, Jawatankuasa Fatwa telah menetapkan bahawa, "Dari segi siasah dan masalah, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau *ulil amri* adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut".

Kutipan zakat di negeri Selangor adalah sangat penting untuk sentiasa berada pada jumlah yang signifikan berdasarkan bilangan pembayar yang wajib menunaikan zakat di negeri Selangor kepada amil yang dilantik secara sah oleh Majlis. Jumlah penduduk beragama Islam di negeri Selangor yang melebihi 3.6 juta orang dan had kifayah fakir miskin yang meningkat memerlukan jumlah dana agihan yang turut menjadi tinggi. Sehingga September 2024, terdapat 71,000 keluarga asnaf fakir dan miskin yang berdaftar dengan Lembaga Zakat Selangor dan memerlukan dana sebanyak RM 1.36 bilion untuk menyantuni mereka dengan pelbagai kaedah dan cara yang wajar.

Jika dana zakat di negeri Selangor dikutip dan diagihkan dengan cara yang melanggar ketetapan yang dibuat, ia bukan sahaja mengundang implikasi undang-undang dan ketetapan hukum, bahkan akan menyebabkan berlakunya keritisan dan kekangan dalam menjamin *sustainability* pembangunan rohani dan sosioekonomi dan umat Islam di negeri Selangor.

Sehubungan dengan itu, umat Islam yang berkewajipan mengeluarkan zakat atau fitrah hendaklah memastikan hanya membayar zakat kepada amil yang dilantik oleh Majlis. Dalam masa yang sama melaporkan kepada JAIS apa sahaja perbuatan yang disyaki melanggar ketetapan peraturan dan hukum yang dikuatkuasakan mengenai urusan membayar dan pengagihan zakat di negeri Selangor.

Sekian dimaklumkan. Terima Kasih.

Wassalam.

(DATO' HAJI MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD) D.P.M.S., P.P.T.
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor
23 November 2024

